

**PROSES MAKLUMBALAS PERMASALAHAN MENGANJURKAN KURSUS
DALAM PENDIDIKAN BERTERUSAN JANGKAPENDEK TEKNIK DAN
VOKASIONAL**

NURUL HUDA BINTI MASHUDI

Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC 2004

DEDIKASI

Bingkisan Ini Dititipkan Buat:

*Ayahanda Mashudi Dan Bonda Mushinah Yang Begitu Memahami Serta Tidak
Jemu-Jemu Memberi Dorongan Dan Peransang.
Kepada Kakak (Mawariah) Yang Banyak Memberi Sokongan Moral Dan Nasihat Untuk
Meneruskan Perjuangan Ini
Dan Kepada Abang Dan Adik Yang Banyak Menabur Budi.
Tidak Dilupakan Juga Kepada Mereka Yang Terlibat Secara Langsung Dan Tidak
Langsung Dalam Penghasilan Kajian Ini.
Terima Kasih Atas Segalanya, Segala Jasa Dan Bakti Kalian Akan Dikenang
Sepanjang Hayat.
Semoga Dorongan Dan Pengorbanan Kalian Selama Ini Mendapat Rahmat Dari Allah*

s.w.t



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah s.w.t yang maha pengasih, pemurah lagi penyayang serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Rasulullah s.a.w. Di panjatkan rasa penuh kesyukuran kerana dengan izin dan limpah kurniaNYA maka terhasil juga kertas kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Tuan Haji Jamaludin Hashim selaku penyelia kajian ini, di atas bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh kajian ini dijalankan.

Rakaman penghargaan juga diberikan kepada responden yang sudi meluangkan masa menjawab borang soalselidik dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh juga kepada pensyarah dan rakan-rakan seperjuangan yang secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan ide dan pandangan terhadap kajian ini. Akhir kata, semoga segala bakti dan usaha yang telah dicurah akan diberkati dan dirahmati Allah s.w.t. Terima kasih dan wassalam



PERPUSTAKAAN UNIVERSITI AMINAH

ABSTRAK

Kajian ini adalah usaha untuk mengetahui apakah permasalahan yang berlaku dalam menganjurkan pendidikan berterusan kursus jangka pendek teknik dan vokasional yang dihadapi oleh pensyarah dan staf di Pusat Giat Mara, Institut Kemahiran Mara dan Institut Latihan Perindustrian di negeri Pahang. Aspek penting dalam permasalahan tersebut terbahagi kepada 5 aspek utama iaitu pemilihan kursus, promosi, kemudahan peserta, merekabentuk modul dan pelaksanaan kursus tersebut. Seramai 50 orang pensyarah dalam bidang teknikal dan staf telah dipilih sebagai responden. Pemilihan responden dibuat mengikut kaedah sampel tidak rawak jenis sampel bertujuan. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik yang dibahagikan kepada lima bahagian. Data-data yang diperolehi daripada borang soal selidik dianalisa dalam bentuk min, sisihan piawai dan peratus dengan menggunakan SPSS (*Statistical Packages For Social Science*) versi 11.0. Keputusan kajian dibentangkan dalam bentuk jadual dan rajah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapatnya masalah yang timbul dalam menganjurkan kursus jangka pendek pendidikan teknik dan vokasional



ABSTRACT

The research is the way to identify the problems that occur in organizing the short course lifelong learning technical and vocational education which are faced by the lecturer and staff at Pusat Giat Mara, Institut Kemahiran Mara dan Institut Latihan Perindustrian, Pahang. The important aspect of this problems are divided to five which are selecting the courses, promotion activities, participant facility, module development and courses administrative. Fifty technical lecturer and staff were selected as a respondent. Sample is selected by using the non-random sampling method purpose sampling. The questionnaire are used as a research instrument and divided to five main parts. All the data that gain from the questionnaire are analyzed by using the SPSS (Statistical Packages For Social Science) version 11.0 in terms of mean, standard deviation and percentage. Results were performed in table and graph. The findings showed that, there are was the problem occur in organizing the short course lifelong learning technical and vocational education.



KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	i
	HALAMAN JUDUL	ii
	HALAMAN PENGAKUAN	iii
	HALAMAN DEDIKASI	iv
	HALAMAN PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latarbelakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Matlamat Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Objektif Kajian	9
	1.7 Kerangka Teori	10
	1.8 Kepentingan Kajian	11

1.9	Skop Kajian	12
1.10	Definisi Istilah Dan Pengoperasian	13

BAB II SOROTAN KAJIAN MUKA SURAT

2.1	Pengenalan	15
2.2	Definisi dan Fokus Pembelajaran Sepanjang Hayat	16
2.3	Kembali Belajar (<i>Returning to Learning</i>)	17
2.4	Paradigma Baru Tentang Pembelajaran Sepanjang Hayat	18
2.5	Perkaitan Antara Latihan, pendidikan dan Pembangunan	19
2.6	Kategori Pendidikan Berterusan	20
2.7	Permasalahan Dalam Pemasaran.	21
2.8	Mengubah Fokus Pembelajaran	22
2.9	Merancang Pengajaran	24
2.10	Modul Pembelajaran.	25
2.11	Aspek-Aspek Pentadbiran	26
2.12	Pendekatan Untuk Mencapai Kualiti	27
2.13	Pemberian Sijil	28
2.14	Pengurusan Staf Sokongan	28



BAB III METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	30
3.2	Jenis Kajian	31
3.3	Responden Atau Sumber Data	32
3.4	Persembahan Data	32
3.5	Lokasi Kajian	32
3.6	Instrumen Kajian	33
3.6.1	Borang Soal Selidik	33
3.7	Analisis Data	35
3.8	Kajian Rintis	36
3.9	Prosedur Kajian	37
3.10	Batasan Kajian	40

BAB IV ANALISIS DATA DAN DAPATAN

4.1	Pendahuluan	41
4.2	Analisis Permasalahan Bagi Pemilihan Sesuatu Jenis Kursus Jangkapendek Teknik Dan Vokasional	44
4.3	Analisis Permasalahan Yang Dihadapi Dalam Kaedah Promosi Yang Digunakan.	47
4.4	Analisis Permasalahan Yang Dihadapi Dalam Kesukaran Menyediakan Kemudahan Pelatih.	51

4.5	Analisis Permasalahan Yang Dihadapi Dalam Menyediakan Modul	54
4.6	Analisis Permasalahan Bagi Aspek Perlaksanaan Kursus Jangkapendek Teknik Dan Vokasional	58

**BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN MUKA SURAT
CADANGAN**

5.1	Pengenalan	62
5.2	Perbincangan	63
5.2.1	Masalah Dalam Pemilihan Jenis Kursus	63
5.2.2	Masalah Dalam Kaedah Promosi Yang Digunakan	64
5.2.3	Masalah Dalam Menyediakan Kemudahan Peserta.	66
5.2.4	Masalah Dalam Penyediaan Kursus	67
5.2.5	Masalah Dalam Perlaksanaan Kursus	68
5.3	Rumusan	69
5.4	Implikasi Kajian	72
5.5	Cadangan	73
5.6	Penutup	77

BIBLIOGRAFI	78
--------------------	-----------

LAMPIRAN

A	Borang Soal Selidik	83
B	Output Analisis Deskriptif Bagi Min Dan Sisihan Piawai	89



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Taburan Item Borang Soal Selidik	34
3.2	Skala Pemingkatan Likert	34
3.3	Jadual Tafsiran Min	35
3.4	Kronologi Kajian Projek Sarjana	37
4.1	Analisis Deskriptip Permasalahan Bagi Pemilihan Sesuat Jenis Kursus Jangkapendek. Teknik Dan Vokasional	50
4.2	Analisis Deskriptif Masalah Yang Dihadapi Dalam Kaedah Promosi Yang Digunakan	44
4.3	Analisis Deskriptif Masalah Yang Dihadapi Dalam Kesukaran Menyediakan Kemudahan Pelatih.	47
4.4	Analisis Deskriptif Masalah Yang Dihadapi Dalam Menyediakan Modul.	51
4.5	Analisis Deskriptip Permasalahan Aspek Perlaksanaan Kursus Jangkapendek Teknik Dan Vokasional	54

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Permasalahan dalam Mengajukan Kursus Jangka Pendek Teknik dan Vokasional.	10
2.1	Proses Pembelajaran	18
4.1	Taburan Min Bagi Masalah Pemilihan Kursus	46
4.2	Taburan Min Masalah Promosi	50
4.3	Taburan Min Kesukaran Menyediakan Kemudahan Peserta	53
4.4	Taburan Min Masalah Penyediaan Modul	57
4.5	Taburan Min Halangan Aspek Pelaksanaan	61



PT TUNJIKU TUN AMINAH
PERPUSTAKAAN

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	83
B	Output Analisis Deskriptif Bagi <i>Min Dan Sisihan Piawai</i>	89



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan berterusan dari segi konsepnya merangkumi pengertian yang sangat luas. Konsep ini merujuk kepada proses pendemokrasian pendidikan yang merangkumi program meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi samaada secara formal di sekolah, pusat latihan vokasional, atau secara tidak formal berdasarkan pengalaman dan latihan di tempat kerja.

Dalam organisasi, konsep ini merujuk kepada proses mendapatkan pengetahuan serta melalui pengalaman bagi meningkatkan kemahiran. Mengikut Raymond (2002), Pembelajaran Berterusan memerlukan pekerja memahami keseluruhan sistem kerja termasuk perhubungan antara kerja mereka, unit kerja mereka dan juga organisasi. Pekerja diharapkan memperoleh kemahiran baru seperti kemahiran penggunaan program komputer terkini, menggunakannya dalam kerja di pejabat ataupun membuat projek luar dan berkongsi maklumat dengan peserta lain.

Apabila membicarakan tentang pendidikan berterusan ia melibatkan dengan individu yang dikatakan dewasa kerana pendidikan berterusan ini selain dikenali sebagai pembelajaran sepanjang hayat, ia turut sinonim dengan pendidikan dewasa. Menurut Rogers (1996), apabila menyebut tentang dewasa ia melibatkan perkara atau konsep yang meluas. Perkataan dewasa boleh merujuk kepada tahap (*stage*) di dalam kitar hidup manusia daripada kecil, remaja sehinggalah dewasa. Ia juga boleh dirujuk kepada status, iaitu penerimaan masyarakat terhadap individu tersebut secara sepenuhnya di dalam sesebuah komuniti.

Sebagai seseorang yang telah dewasa, banyak perkara yang perlu dipertimbangkan, contohnya pengalaman pendidikan yang banyak memberi impak dalam kehidupan (Malcom, 2003). Pengalaman yang bersifat pengetahuan seperti ini tidak akan dapat dipelajari secara bentuk biasa, tidak juga secara formal dan juga latihan. Ianya memerlukan pusingan yang berterusan mencipta, penyebaran dan memahami erti perkongsian ilmu.

Berdasarkan kepada pandangan di atas, menurut Hassan Jantan (2003), Pendidikan Berterusan dapat disimpulkan kepada proses berikut:

- i. Proses pembelajaran seseorang secara berterusan bagi tujuan meningkat kemahiran atau membangunkan kerjaya dalam sesuatu bidang pekerjaan pada masa sekarang mahu pun pada masa hadapan.
- ii. Proses pembelajaran seseorang bagi meningkatkan ilmu pengetahuan tidak akan berakhir apabila seseorang itu meninggalkan alam persekolahan, ianya adalah proses sepanjang hayat.

Berdasarkan Evans (2002), dalam membangunkan sumber manusia, latihan merupakan satu proses pembelajaran yang disusun untuk merubah sikap, mempertingkat pengetahuan dan kemahiran kakitangan agar prestasi kerja mereka dapat dipertingkatkan. Jadi pada masa kini, pendidikan berterusan merupakan lorong kepada para pekerja atau individu untuk menjalani latihan dengan mempelajari ilmu-ilmu bagi memantapkan kemahiran yang mereka ingini.

Menurut Hassan Jantan (2003), dasar melaksanakan konsep Pendidikan Berterusan adalah bagi mencapai matlamat berikut;

- i. Menjadikan teras dalam membangunkan sumber manusia dalam tempoh pelan perancangan pembangunan lima tahun negara.
- ii. Menyediakan asas bagi melahirkan masyarakat yang menjadikan ilmu pengetahuan sebagai satu budaya serta merealisasikan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju.
- iii. Memberikan galakan Pendidikan Berterusan dengan menyediakan kemudahan menguasai ilmu pengetahuan dan meningkatkan asas kemahiran walaupun selepas tamat pendidikan dan latihan formal.

Organisasi Pendidikan dan pihak-pihak lain yang terlibat perlulah mengadaptasikan konsep Pendidikan Berterusan ini dengan memberi keutamaan cara yang baru untuk berfikir, kaedah pengajaran yang baru dan juga kurikulum yang bersesuaian dengan kehendak kemahiran terkini di samping meminimumkan masalah di dalam pengurusan sesuatu program pendidikan berterusan tersebut (Norman dan Keith, 1996). Jika pihak yang terlibat contohnya MARA dapat memastikan segala pengurusan programnya berjalan lancar dan menepati kehendak kemahiran terkini, tidak mustahil agensi tersebut boleh melahirkan ramai usahawan yang dapat memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi negara.

1.2 Latarbelakang Masalah

Konsep pendidikan berterusan bukan sahaja menjadi agenda penting, malahan telah menukar cara berfikir masyarakat khususnya golongan muda yang baru keluar dari pusat pengajian tinggi. Di Jepun misalnya, persepsi mengenai pentingnya pendidikan berterusan telah mewujudkan satu fenomena baru yang dikenali sebagai '*employability fever*'. Golongan mudanya bersikap agresif untuk memiliki kelulusan dalam beberapa bidang pengajian dan latihan bagi menjamin mereka mendapatkan lebih peluang pekerjaan yang mereka minati (Hassan Jantan, 2003).

Berdasarkan laporan Mesyuarat Asia dan Eropah (2002), yang dikenali sebagai ASEM, di dapati bahawa pendidikan berterusan atau pendidikan sepanjang hayat merupakan agenda yang amat penting. Sebagai contoh United Kingdom mempunyai tiga buah agensi yang bertanggungjawab terhadap pengurusan pendidikan berterusan yang dikenali sebagai Projek Pencarian laluan (*The Pathfinder Project*) iaitu Kursus untuk Rakyat, Insentif Kewangan dan juga tidak ketinggalan kursus untuk para banduan. Agensi-agensi tersebut dipertanggungjawabkan sepenuhnya di bawah kerajaan negeri yang mana ia adalah untuk sektor awam. Kumpulan sasaran projek tersebut adalah untuk mereka yang menganggur, pekerja awam, pekerja yang berkemahiran rendah dan juga tahanan penjara.

Menurut Laporan ASEM (2002) itu lagi, Negeri Ireland juga menyedari akan kepentingan Pendidikan Berterusan tersebut dan ketika ini telah mempunyai empat buah program berkaitan pendidikan tersebut. Program-program tersebut ialah NALA (*National Adult Literacy Agency*) Inisiatif, Program Kembali Kepada Pendidikan (*Return to Education Programme*), Projek Kembali Kepada Pembelajaran di Tempat Kerja (*Return to Learning Workplace Project*) dan Pendidikan Jarak Jauh Televisyen dan Radio (*TV dan Radio Distance Education*). Agensi yang terlibat dengan projek-

projek ini di samping Kerajaan Negeri ialah Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) yang turut berkerjasama dengan pihak media.

Semenjak pertengahan tahun 1990an lagi, Kerajaan Korea Selatan telah membuat pembaharuan dalam sistem pendidikan bagi menghadapi cabaran Abad Ke-21. Menurut Hassan Jantan (2003), Akta pendidikan Korea telah dikaji semula dan undang-undang Pembelajaran Sepanjang Hayat (*The Law for Lifelong Education*) telah digubal dan *Korea Educational Development Institute* (KEDI) pula dijadikan Pusat Pendidikan Sepanjang Hayat (*Lifelong Educational Centre*).

Kerajaan Republik Singapura juga tidak ketinggalan dalam menerapkan rakyatnya dengan Pendidikan Berterusan. Ini kerana menurut Hassan Jantan (2003), pada Mac 2000, Kerajaan Singapura telah melancarkan *Singapore Learning Movement* untuk memberikan pengiktirafan dan menggalakkan konsep Pendidikan Berterusan sebagai cara hidup. Pendidikan Berterusan adalah merupakan program di bawah *School of Lifelong Learning* (SOLL) iaitu salah satu pelan tindakan untuk membangunkan gunatenaga di Singapura untuk bersaing dalam perubahan persekitaran global pada abad ke-21.

Pendidikan dewasa boleh dilihat merangkumi semua peringkat pendidikan untuk umur yang melebihi 16 tahun. Jika pelajar atau peserta tersebut masih muda ia akan turut diajar seperti orang dewasa. Ini kerana di dalam pendidikan dewasa jika pelajar tidak memberi tumpuan apa yang dipelajari, tanpa pengalaman yang berkaitan mereka (pelajar muda) tidak akan dapat mengawal pembelajaran sendiri dan tidak dapat menyumbang di dalam proses pembelajaran. Jadi pendidikan dewasa, secara umumnya adalah pendidikan yang mendidik atau mengajar peserta sebagai pelajar dewasa di mana perlu mempunyai ciri-ciri berupaya, bertanggungjawab, matang dan tidak membuat keputusan dengan terburu-buru (Rogers, 1996).

Di Malaysia, Pendidikan Berterusan mula-mula dipelopori oleh MARA yang mana kemudiannya telah menubuhkan Pusat Giat Mara yang terdiri daripada kursus-kursus pendek. Menurut Laporan ASEM (2002), pada mesyuarat tersebut Malaysia telah diwakili oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah mengetengahkan institusi Pendidikan Berterusannya iaitu Pusat Giat Mara yang mana ia merupakan program pendidikan untuk mereka yang berumur 15 tahun hingga 40 tahun. Program ini yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan merupakan sumbangan terhadap pembangunan usahawan. Strategi yang terlibat di dalam program ini adalah penubuhan pusat-pusat latihan terutamanya di kawasan yang kecil dan pendalaman yang mana latihan tersebut memerlukan penglibatan daripada masyarakat setempat.

Pendidikan dan latihan di dalam pembelajaran berterusan membolehkan golongan dewasa mengenalpasti dan menyedari potensi dan pembangunan diri yang wujud atau kemahiran baru yang diperlukan. Pendidikan bukan lagi sebagai sistem atau mesin tetapi ia kini menjadi keperluan sepanjang hayat (Asmiza Osman, 2002). Hasil kajian yang dibuat oleh Karen Evans (2002) tentang pembelajaran dewasa mendapati bahawa perkara yang dipertimbangan oleh usaha seseorang individu ialah mereka percaya jika mereka bekerja keras dengan menuntut ilmu dan dapat mencapai kelayakan yang sesuai dan dari situ barulah seseorang itu dapat mengikut haluan dewasa seperti yang dikehendaki. Oleh yang demikian berdasarkan kajian oleh Asmiza Osman (2003) tentang cabaran pendidikan yang dihadapi oleh pelajar dewasa, pengkaji tertarik untuk mengkaji apakah masalah yang timbul oleh institusi-institusi pendidikan di Malaysia yang menganjurkan program pendidikan berterusan khususnya terdiri daripada pelajar dewasa dalam melahirkan pekerja yang berkemahiran bagi memenuhi keperluan tenaga kerja negara yang dikehendaki. Masalah yang dimaksudkan disini ialah masalah yang dihadapi oleh pihak penganjur dalam melaksanakan sesuatu program pendidikan berterusan.

1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan berterusan merupakan satu wadah utama dalam menganjurkan kursus-kursus jangka pendek di kalangan institusi latihan dan institut pengajian tinggi. Ini adalah kerana pendidikan berterusan tersebut dapat memberi peningkatan dari segi pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu bidang bagi melahirkan individu-individu yang berkompentensi bagi sesebuah organisasi. Oleh kerana itu, di sebalik penganjuran program-program sepanjang hayat tersebut, pihak institusi latihan dan institusi pengajian tinggi ini tidak dapat mengelak dari menghadapi pelbagai masalah seperti pemilihan jenis kursus, merancang strategi pemasaran, menyediakan kemudahan peserta, penyediaan modul dan masalah mentadbir kursus. Dari itu, penyelidik ingin mengkaji samaada benar atau tidak wujudnya permasalahan tersebut bagi institusi latihan dalam menganjurkan kursus-kursus jangka pendek dalam program pengajian mereka?

1.4 Matlamat Kajian

Dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini, matlamat penyelidikan adalah untuk mengenalpasti masalah iaitu pemilihan jenis kursus, merancang strategi pemasaran, menyediakan kemudahan peserta, penyediaan modul dan masalah mentadbir kursus yang dihadapi oleh pihak Pusat Giat Mara, Institut Latihan Perindustrian dan Institut Kemahiran TSYA yang dijalankan di negeri Pahang dan daripada masalah-masalah tersebut pengkaji akan memberi beberapa cadangan terhadap masalah yang telah dikenalpasti tersebut.

1.5 Persoalan Kajian

Soalan-soalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah faktor penghalang dalam pemilihan sesuatu jenis kursus jangka pendek di kalangan para penganjur?
2. Apakah masalah yang timbul dalam kaedah promosi yang digunakan untuk melaksanakan sesuatu program kursus jangka pendek di kalangan para penganjur?
3. Apakah kesukaran membuat penyediaan kemudahan terhadap peserta program kursus jangka pendek di kalangan para penganjur?
4. Apakah persepsi dalam permasalahan menyediakan modul kepada peserta program kursus jangka pendek di kalangan penganjur?
5. Apakah halangan yang dihadapi oleh pihak penganjur dalam pelaksanaan kursus jangka pendek?




PTAAUTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

1.6 Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk memperolehi dan mendapatkan maklumat sebenar masalah atau cabaran yang dihadapi oleh pihak yang menganjurkan Pendidikan Berterusan kursus jangka pendek Teknik dan Vokasional dengan melihat beberapa faktor iaitu:

1. Menenalpasti apakah faktor penghalang dalam pemilihan sesuatu jenis kursus jangka pendek di kalangan para penganjur.
2. Menenalpasti apakah masalah yang timbul dalam kaedah promosi yang digunakan untuk melaksanakan sesuatu program kursus jangka pendek di kalangan para penganjur.
3. Menenalpasti apakah kesukaran membuat penyediaan kemudahan terhadap peserta program kursus jangka pendek di kalangan para penganjur.
4. Menenalpasti apakah persepsi dalam permasalahan menyediakan modul kepada peserta program kursus jangka pendek di kalangan penganjur.
5. Menenalpasti apakah halangan yang dihadapi oleh pihak penganjur dalam pelaksanaan kursus jangka pendek.

1.6 Kerangka Teori



(Sumber: Diadaptasi dan diubahsuai dari model *The New Training Cycle*, 1993 dalam Reeves)

Rajah 1.1: Kerangka Teori Permasalahan dalam Menganjurkan Kursus JangkaPendek Teknik dan Vokasional.

Berdasarkan rajah 1.1 di atas pengkaji menyatakan kerangka teori kajian yang telah dijalankan, dimana ia menunjukkan pihak-pihak yang terlibat iaitu pensyarah dalam bidang teknikal dan staf di Pusat Giat Mara, Institut Latihan Perindustrian dan Institut Kemahiran Mara di negeri Pahang. Rajah di atas juga turut menunjukkan permasalahan yang dikaji iaitu pemilihan jenis kursus, promosi, kemudahan peserta, modul dan aspek pentadbiran. Manakala seterusnya pula ialah jangkauan dapatan yang

akan diperolehi daripada kajian ini. Berdasarkan kerangka teori tersebut kita dapat mengetahui bahawa kajian ini adalah untuk mengkaji permasalahan di dalam melaksanakan Pendidikan Berterusan Kursus Jangka Pendek Teknik dan Vokasional dan pihak-pihak yang terlibat ialah mereka yang terlibat dalam melaksanakan program tersebut.

Pengkaji telah mengenalpasti cabaran-cabaran dalam melaksanakan Pendidikan Berterusan dan telah mengecilkan skopnya kepada lima cabang iaitu permasalahan dari segi pemilihan jenis kursus, kaedah pemasaran, kemudahan peserta, penyediaan modul dan juga halangan pelaksanaan kursus jangka pendek. Di akhir kajian ini nanti, dapatan kajian ini ialah merupakan maklumat iaitu cadangan oleh pengkaji yang dapat digunakan untuk rujukan pihak yang terlibat dalam pelaksanaan pendidikan berterusan kursus jangka pendek teknik dan vokasional.

1.8 Kepentingan Kajian

Bagi penyelidik dapatan kajian ini penting kerana ia boleh digunakan oleh pelbagai pihak sebagai sumber rujukan. Antaranya ialah kepada penyelidik sendiri, kerana dapat mengetahui masalah serta cabaran dalam melaksanakan Pendidikan Berterusan Kursus Jangka Pendek Teknik & Vokasional. Selain itu ia juga penting kepada responden atau penganjur, kerana dapat menjadi saluran untuk responden menyampaikan masalah yang dihadapi di samping masalah yang dinyatakan tersebut mendapat perhatian oleh mana-mana pihak yang berkenaan.

BIBLIOGRAFI

- Abrokwa, C. (1995). *Vocational Education in The Third World*. London: Paul Chapman Publishing.
- Bhasah Abu Bakar (2003). *Asas Pengukuran Bilik Darjah*. Perak: Quantum Books.
- Bright, D. and Williamson, B. (1995). *Managing and Rewarding Performance*. London: Paul Chapman Publishing.
- Cropley, A. J. and Dave, R. H. (1984). *Reforming Initial and Continuing Education of Teachers in the Perspective of the Lifelong Learning*. London: Kogan Page.
- Dalen (1979). *Education Research*. New York: Alfred A Knof.
- Davies, B. and West-Burnham, J. (1997). *Mapping the future*. London: Pitman.
- Gray, L. and Warrender, A. (1993). *Cost-effective Technical Education in Developing Countries* London: Paul Chapman Publishing.
- Karsono Ahmad Dasuki (1993). *Konsep dan Sistem Pendidikan Jarak Jauh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- King, K. (1993). *Technical and Vocational Education and Training in an Educational Context*. London: Paul Chapman.

Knapper, C. K. and Cropley, A. J. (2000). *Lifelong Learning in Higher Education*. 3th ed. London: Kogan Page

Lumby, J. (2001). *Managing Further Education*: London: Paul Chapman Publishing.

Malcom, T. (2003). *Key Concepts in Adult Education and Training*. New York: RoutledgeFalmer.

Mc Millan, J. H. (1996). *Educational Research: Fundamentals for The Cunsumer*. 2nd Education: Harper Collins. New York.

Mohd. Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*: Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.

Mohd Salleh dan Zaidatun (2003). *Analisis Data Berkomputer SPSS For Windows*. Venton Publishing: Kuala Lumpur.

Norman, L. and. Keith, D. W (1996). *Lifelong Learning: New vision, new implications, new roles for people, organizations, nations and communities in the 21st century*. London: Kogan Page

Omardin Ashaari (1999). *Pengajaran Kreatif Untuk Pembelajaran aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pineau, G. (1980). *Organization and lifelong Education*. London: Kogan Page.

Powell, S. (1999). *Returning To Study: A guide For Professional*. Buckingham: Open Universiti Press.

- Reeves, M. (1996). *Evaluation of Training*. Selangor: Pelanduk Publications.
- Resnick, L. B. and Wirth, J. G (1996). *The Changing Workplace: New Challenges for Education Policy and Practice*. London: Kogan Page.
- Rogers, A. (1996). *Teaching Adults*. Buckingham: Open University Press.
- Sallis, E. (1996). *Total Quality Management in Education*. London: Paul Chapman Publishing.
- Shackleton, J. (1989). *Planning For The Future In Further Education: Beyond A Curriculum-Led Approach*. Milton Keynes: open Univesity.
- Shaharom Noordin, Yap Kueh Chin (1991). *Ke Arah Mengindividukan Pengajaran Menerusi Pengajaran Bermodul*. Jurnal Pendidikan Guru.
- Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som (1996). *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.
- Temple, H. (1991). *Open Learning in Industry, Developing Flexibility and Competence in The Workforce*. Harlow: Longman.
- Urban Dahllof (1988). *Continuing Education New Needs and Challenges for Distance Studies*. dlm Karsono Ahmad Dasuki (1993). *Konsep dan Sistem Pendidikan Jarak Jauh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan Yang Di Akses Dari Internet:

Evans, K. (2002). *Taking Control? Agency In Young Adult Transitions In England And The New Germany*. Di capai pada 4 Julai 2003 di Laman Web:

<http://www.taminio.emeraldinsight.com/rpsylet.htm>

Hassan Jantan (2003). *Konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat: Menjadikan Agenda Dalam Pengurusan Sumber Manusia*. Dicapai pada 17 Jun 2003 di Laman Web:

http://www.jpa.gov.my/buletinjpa/konsep_pembelajaran_sepanjang_hayat.htm

Lieb, S. (1991). *Principle Of Adult Learning*. Di capai pada 17 jun 2003 di Laman Web:

<http://www.hcc.hawaiedu/intranet/committees/teachtips/adults.2htm>

Raymond, N. A. (2002). *Pengurusan Sumber Manusia Memperolehi Kelebihan Bersaing* (Terjemahan). dlm Hassan Jantan (2003). *Konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat: Menjadikan Agenda Dalam Pengurusan Sumber Manusia*. Dicapai pada 17 Jun 2003 di Laman Web:

http://www.jpa.gov.my/buletinjpa/konsep_pembelajaran_sepanjang_hayat.htm



PTAAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

Rujukan Daripada Laporan Projek Sarjana:

Asmiza Binti Osman (2002). *Cabaran-cabaran Dalam Pendidikan Yang Dihadapi Oleh Pelajar Sarjana. Tinjauan Ke Atas Pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal) Di KUiTTHO: Projek Sarjana Pendidikan. KUiTTHO.*

Kamdi Kamil (1990). *Keberkesanan Program Pengayaan Alam dan Manusia Secara Bermodul Untuk Murid-murid Pencapaian Tinggi Tahun Lima. Universiti Sains Malaysia. Projek Sarjana Pendidikan. KUiTTHO.*

Kembek Binti Ramli (2003). *Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) Bagi Matapelajaran Perakaunan Kewangan II Dalam Tajuk Perkongsian 1 Untuk Pelajar Kursus Diploma Akauntasi Semester 3 Di Politeknik Ungku Omar. KUiTTHO*

Rujukan Dari Laporan Yang Tidak Diterbitkan:

(2002). *ASEM Lifelong Learning: Thematic Report 1.* Tidak diterbitkan